

BB Plaza: MRT Corp, kerajaan berunding

KUALA LUMPUR 7 Jun - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) mengesahkan bahawa ia sedang berunding dengan kerajaan untuk membina stesen bawah tanah yang disepadukan dengan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza).

Rancangan untuk menyepadukan stesen tersebut dengan BB Plaza adalah untuk memastikan bahawa projek tersebut tidak akan melibatkan hartanah persendirian.

Pada masa yang sama, ia akan menyediakan peluang keemasan untuk menonjolkan semula BB Plaza yang sudah berusia hampir 40 tahun itu.

Perbincangan antara pemilik hartanah dan peniaga di Jalan Bukit Bintang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah diadakan pada Mac lalu, selepas Perdana Menteri membangkitkan kebimbangan berhubung cadangan penutupan perniagaan selama lima

tahun di sana.

MRT Corp telah menimbang tiga penyelesaian alternatif tetapi memutuskan pilihan penyepaduan stesen.

“Ia penyelesaian terbaik kerana ia menyediakan peluang kepada UDA Holdings Bhd. (UDA) untuk membangunkan semula BB Plaza, dengan rangkaian hubungan terus ke prasarana pengangkutan utama.

“Hubungan prasarana ini akan membawa faedah besar kepada gedung membeli-belah itu.

“Kami telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan Kementerian Kewangan, sebagai pemilik UDA Holdings, untuk menghubungkan stesen itu ke BB Plaza.

“Perbincangan sedang diteruskan”, kata Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid dalam satu kenyataan.

- BERNAMA



AZHAR ABDUL HAMID